

05 JUL 1999

Mahathir-China

DUNIA MESTI MENERIMA CHINA SEBAGAI KUASA DUNIA

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dunia mesti menerima hakikat bahawa China, dengan 1.3 bilion rakyat yang kuat bekerja dan bijak, akhirnya akan menjadi negara yang kuat.

"Jika kita boleh menerima Amerika Syarikat (AS) sebagai kuasa besar dunia, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh menerima China sebagai kuasa dunia.

"China secara praktik tidak mempunyai sejarah menakluk dan memerintah jiran-jiran. Kuasa Eropah pernah," katanya dalam temubual dengan Akhbar The Mainichi, Japan, keluaran hari ini.

Beliau berkata sebagaimana Jepun takut pada China, China mesti takut pada perikatan AS-Jepun.

Perikatan AS-Jepun boleh difahami jika ia tidak ditujukan kepada negara-negara lain, katanya.

Malangnya, kata Dr Mahathir, AS "menunjukkan permusuhan dengan sesetengah negara di Asia dan perikatan AS-Jepun kelihatan seolah-olah ditujukan terhadap negara-negara ini."

"Ini tidak baik kerana negara-negara ini akan menganggap Jepun sebagai musuh dan akan terus wujud ketegangan di rantau ini, katanya.

Malaysia, katanya tidak mahu mempunyai sebarang musuh dan menentang kehadiran kuasa asing di rantau ini.

"Peperangan tidak lagi sebagai kaedah menyelesaikan masalah antarabangsa. Jika berlaku sekali lagi perang dunia, keseluruhan dunia akan musnah," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau percaya senjata nuklear patut diharamkan dan perlu ada perjanjian bagi mengurangkan penyelidikan terhadap senjata baru.

Katanya beliau tidak faham mengapa sesetengah negara enggan mengharamkan periuk api dan mengapa periuk api perlu sedangkan peluru berpandu boleh sampai di mana-mana tempat di dunia.

Bercakap mengenai perubahan yang dilihatnya di Jepun selepas mengunjungi negara itu lebih daripada 50 kali, Dr Mahathir berkata beliau jarang melihat kemiskinan sebelum ini.

Tetapi pada lawatan terakhirnya ke Nagoya awal tahun ini, Dr Mahathir berkata beliau melihat banyak pondok-pondok sementara dibina di bawah lebuhraya dan taman dan diberitahu bahawa kira-kira enam juta penduduk menganggur di Jepun.

Tetapi apa yang menyedarkan Dr Mahathir ialah mereka ini menerima keadaan itu dan memilih melarikan diri daripada keluarga untuk tidak menjadi beban keluarga mereka.

"Orang Jepun adalah rakyat yang bersemangat kebangsaan dan berbangga dengan kemerdekaan mereka," katanya dan menegaskan bagaimanapun "sejak kira-kira lima tahun lepas, rakyat Jepun seolah-olah hilang sebahagian keyakinan diri malah ketahanan nasional."

"Adalah satu tindakan yang betul untuk tidak menjadi rejim ketenteraan tetapi adalah tidak salah berpegang kepada semangat kebangsaan," katanya.

Katanya Jepun mempunyai sebab yang baik untuk menolak rejim ketenteraan kerana ia sepatutnya bersedia dan mahu mengakui bahawa ia telah melakukan banyak kesalahan pada masa lepas. Tetapi Jepun tidak patut dibebankan dengan perasaan bersalah yang berterusan di atas kesalahan yang dilakukan separuh abad lepas.

"Saya tidak nampak Jerman diperingatkan mengenai era Nazinya. Tidak

juga Jerman dikehendaki meminta maaf kerana kekejaman semasa perang. Tetapi seolah-olah setiap Perdana Menteri Jepun mesti memohon maaf kerana kesalahan yang dilakukan oleh dua generasi lepas," katanya.

-- BERNAMA

SHO/SHY LAT RON